

Bahagian A
[60 *markah*]
Jawab **semua** soalan

- 1 (a) Nyatakan ciri entiti perniagaan berikut dari aspek liabiliti :

Ciri-ciri	Perkongsian	Syarikat Berhad
Liabiliti		

(*sila rujuk helaian jawapan bagi soalan 1a*)

[2 *markah*]

- (b) Maklumat berikut dipetik daripada urus niaga Kedai Buku Smart.

- i. Bayaran Faksimili sebanyak RM 12
- ii. Belanja Membaiki Komputer sebanyak RM 35

Lengkapkan bayaran yang diberikan dalam bahagian analisis pembayaran Buku Tunai Runcit (*sila rujuk helaian jawapan bagi soalan 1b*).

[2 *markah*]

- (c) Kesilapan di bawah dikesan daripada buku perakaunan Perusahaan Maxpo.

Belian kredit daripada Syarikat Halim dicatat dengan betul dalam Akaun Belian tetapi tersilap catat dalam Akaun Syarikat Haleem.

Anda dikehendaki membetulkan kesilapan tersebut di Jurnal Am.

[2 *markah*]

- (d) Maklumat berikut menunjukkan Buku Tunai yang telah dikemas kini.

Buku Tunai (Dikemas kini)					
2022 Apr 30		RM	2022 Apr 30		RM
	Faedah Atas simpanan	1452		Baki b/b	1533
	X	530		Perintah Sedia Ada	120
				Y	53
				Baki h/b	276
		1982			1982
Mei 1	Baki b/b	276			

Apakah item **X** dan **Y**?

[2 markah]

- (e) Nyatakan komponen Kos Pengeluaran berdasarkan penyataan berikut

	Komponen Kos Pengeluaran
i. Upah buruh kilang	
ii. Gaji Penyelia Kilang	

[2 markah]

2 Mona dan Sufa adalah rakan kongsi dalam Perkongsian MS

Ikatan Perjanjian Perkongsian MS adalah seperti berikut:

- (i) Faedah sebanyak 10% setahun dibayar ke atas baki awal modal pekongsi.
- (ii) Gaji bulanan Sufa ialah RM2 000
- (iii) Faedah atas pinjaman pekongsi 6% setahun
- (iv) Untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah modal

Berikut adalah Imbangan Duga Perkongsian MS pada 31 Mac 2022.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal Mona		60 000
Modal Sufa		30 000
Akaun Semasa Mona		1 000
Akaun Semasa Sufa	700	
Kenderaan (kos)	75 000	
Pinjaman Mona		40 000
Akaun Belum Terima	8 600	
Akaun Belum Bayar		14 825
Gaji Sufa	26 000	
Bank	40 820	
Belian dan Jualan	50 240	90 310
Pulangan	2 400	
Diskaun		870
Inventori pada 1 April 2021	28 880	
Sewa		6 600
Insurans	5 250	
Kadar bayaran	1 800	
Angkutan masuk	2 400	
Promosi	1 750	
Peruntukan Hutang Ragu		235

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mac 2022 dinilai seperti berikut:

Produk	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
A	5050	5450
B	7900	6850
C	9850	9660

- (ii) Sewa yang telah diterima hanya untuk 11 bulan.
- (iii) Kenderaan telah dibeli pada 1 Oktober 2021. Kenderaan hendaklah disusutnilai pada kadar 10% setahun menggunakan kaedah garis lurus.
- (iv) Belian alat tulis RM150 telah tersalah masuk ke dalam Akaun Belian.
- (v) Seorang pelanggan telah diisytiharkan mufli. Baki hutangnya sebanyak RM900 tidak dapat dikutip. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Elaun sebanyak RM800 masih belum dibayar kepada Mona.
- (vii) Mona telah menggunakan cek peribadi RM500 untuk membayar penyelenggaraan Kenderaan perniagaan. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2022 [12 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2022 [6 markah]
- (c) Akaun Semasa bagi setiap pekongsi (beruangan) [4 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2022 (Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja) [3 markah]

- 3 Puan Widuri pemilik Perniagaan Violet di Batu Gajah menyimpan rekod perakaunannya tidak mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya.

	1 April 2021	31 Mac 2022
	RM	RM
Kenderaan (kos)	30 000	30 000
Lengkapan	20 000	?
Bank	8 400	(1 350)
Akaun Belum Bayar	10 870	12 700
Inventori	14 600	22 220
Kadar bayaran Belum Bayar	375	260
Akaun Belum Terima	5 340	7 280
Tunai	1 250	950
Insurans Prabayar	-	300
Komisen Belum Terima	1 200	-
Susut nilai terkumpul kenderaan	3 000	?

Maklumat Tambahan:

- (i) Sepanjang tahun kewangan, Puan Widuri mengambil barang niaga berjumlah RM125 sebulan untuk kegunaan keluarganya.
- (ii) Lengkapan bernilai RM8 000 dibeli pada 30 September 2021 untuk kegunaan perniagaan dengan wang peribadi Puan Widuri.
- (iii) Puan Widuri telah menetapkan susut nilai bagi aset semasa adalah seperti berikut:

Aset Bukan Semasa	Kadar Susut Nilai setahun	Kaedah
Lengkapan	10 %	Garis Lurus (Berdasarkan baki awal tahun)
Kenderaan		Baki berkurangan

- (iv) Peruntukan hutang ragu ialah 5% atas baki Akaun Belum Terima

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 1 April 2021 [4 markah]
- (b) Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2022 [8 markah]
- (c) Penyata Untung Rugi bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2022 [5 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2022 [5 markah]
- (e) Akaun Modal [3 markah]

Bahagian B
[40 markah]
Jawab **DUA** soalan sahaja.

- 4 (a)(i) Modal berbayar Syarikat Teguh Berhad pada 1 Januari 2021 bernilai RM2 000 000 yang terdiri daripada 1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan bernilai RM1.00 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa bernilai RM0.50 sesyer. Pada 30 Jun 2021, syarikat telah mengisytiharkan pembayaran Dividen Interim kepada pemegang Syer Keutamaan dan Dividen Interim 3% kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Dividen Interim Syer Keutamaan [2 Markah]
(ii) Dividen Interim Syer Biasa [2 Markah]
- (ii) Syarikat Kenanga Berhad menerbitkan 1 500 000 unit 6% Syer Keutamaan bernilai RM2 sesyer dan 7 000 000 unit Syer Biasa bernilai RM1 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh. Keuntungan syarikat yang diperuntukkan untuk pembayaran dividen bagi tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 adalah seperti berikut:

Tahun	Peruntukan Pembayaran Dividen (RM)
2018	300 000
2019	Tiada
2020	360 000
2021	500 000

Anda dikehendaki menghitung dividen yang diterima oleh pemegang Syer Keutamaan dan pemegang Syer Biasa bagi tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021.

[6 Markah]

- (b) Kelab Bola Keranjang Ipoh ditubuhkan pada 1 Januari 2019.
Kedudukan kewangan kelab pada Januari 2021 adalah seperti berikut:

	RM
Rumah Kelab	100 000
Perabot	20 530
Yuran ahli belum terima	625
Tunai di bank	5 280
Kadar bayaran belum bayar	250

Penerimaan dan pembayaran kelab bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

<u>Penerimaan</u>	RM
Yuran Ahli	6 520
Sewa Gelanggang	8 500
Yuran Pertandingan	6 000
<u>Pembayaran</u>	
Perabot	3 000
Gaji dan Imbuhan	8 200
Kadar bayaran	1 500
Hadiah Pertandingan	3 200

Maklumat tambahan:

- (i) Perabot pada 31 Disember 2021 dinilai sebanyak RM21 360.
- (ii) Pada 31 Disember 2021, didapati yuran ahli berjumlah RM435 telah diterima untuk tahun 2022.
- (iii) Sewa gelanggang belum terperoleh RM500.

Anda dikehendaki menyediakan:

- i) Akaun Yuran Ahli [4 Markah]
- ii) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 [6 Markah]

- 5 (a) Encik Mikael telah menjalankan perniagaan menjual sabun dobi di Kampar, Perak. Berikut adalah baki-baki pada 1 Mei 2022.

	RM
Tunai	2 000
Bank	3 000
Akaun Belum Terima: Kedai Chin Chin	700
Akaun Belum Bayar: Jasmine Trading	940

Urusniaga berikut berlaku sepanjang bulan Mei 2022.

Mei 8 Bayar Jasmine Trading dengan cek RM 900 untuk menjelaskan sepenuhnya hutang.

12 Terima cek daripada Kedai Chin Chin RM 650 untuk menjelaskan sepenuhnya hutang.

16 Bayar utiliti dengan tunai RM 300.

28 Cek yang diterima daripada kedai Chin Chin pada 12 Mei ditanda `Rujuk kepada penyuruh bayar`. Diskaun diberi dibatalkan.

30 Pindahkan tunai pejabat ke dalam bank RM 1 200.

Anda dikehendaki merekodkan semua urusanniaga ke dalam Buku Tunai 3 lajur yang telah disediakan. (**LAMPIRAN A**)

[10 Markah]

- (b) Puan Suri pemilik Suri Enterprise sebuah kedai menjual pelbagai jenis kerepek yang beroperasi di Ipoh. Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan pada 30 Jun 2022 adalah seperti berikut.

	RM
Perabot	4 600
Inventori	8 700
Bank	7 130
Akaun belum terima	3 080
Akaun belum bayar	3 510
Modal	X

Urus niaga dalam bulan Julai 2022 adalah seperti berikut.

- (a) Menjual barang niaga secara kredit dengan harga RM 780. Kos barang tersebut ialah RM 540.
- (b) Pemilik perniagaan membeli sebuah rak pameran bernilai RM 760 dengan wang peribadinya.
- (c) Cek bernilai RM440 yang diterima daripada pelanggan tidak dilayan oleh bank.
- (d) Pulangan jualan RM80.
- (e) Bayar sewa RM 880 dengan cek.

Anda dikehendaki melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan yang disediakan. (**LAMPIRAN B**)

[10 markah]

- 6 (a) Jadual berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Kilang Kain Maisara pada pelbagai peringkat keluaran kain.

Paras keluaran (unit)	0	2 000	4 000	6 000
Jumlah kos (RM)	100 000	200 000	300 000	400 000
Jumlah hasil (RM)	0	140 000	280 000	420 000

Anda dikehendaki

- (a) Menghitung :

- (i) Kos berubah seunit. [2 markah]
- (ii) Titik Pulang Modal. [2 markah]
- (iii) Jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk mendapatkan keuntungan RM30 000. [2 markah]
- (iv) Andaikan dalam jangka masa Panjang, kos tetap turun 10% tetapi kos berubah dan harga jualan seunit tidak berubah, hitungkan Titik Pulang Modal yang baharu [2 markah]

- (b) Lakarkan graf Titik Pulang Modal di atas kertas graf dengan menunjukkan:

- (i) Garisan kos tetap.
- (ii) Garisan jumlah kos.
- (iii) Garisan jumlah hasil.
- (iv) Titik Pulang Modal [Rujuk jawapan 6(a)(ii)].

[4 Markah]

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Wayne pada 31 Disember 2020 menunjukkan peruntukan hutang ragu berjumlah RM726. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Wayne bagi dua tahun berakhir 31 Disember 2022.

Tahun	Akaun Belum Terima (RM)	Hutang Lapuk Dihapuskan (RM)	Hutang Lapuk Terpulih (RM)	Peratus Peruntukan Hutang Ragu atas Akaun Belum Terima (%)
2021	35 600	500	250	4
2022	42 800	700	-	3

Anda dikehendaki :

- (i) Menghitung Peruntukan Hutang Ragu pada 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2022. [4 markah]
- (ii) Akaun Peruntukan Hutang Ragu bagi tahun 2021 dan 2022 [4 markah]

SOALAN TAMAT

1. (a)						
Ciri-ciri		Perkongsian		Syarikat Berhad		
Liabiliti						
1. (b)						
	Tarikh	Butir	Pembayaran	Analisis Pembayaran		
				Pos	Alat Tulis	Belanja Am
	2022			RM	RM	RM
	Okt 5	Faksimili	12			
	17	Membaiki Komputer35				
1.(c)						
1. (d) X =						
Y =						
1. (e)						
			Komponen Kos Pengeluaran			
i. Upah buruh kilang						
ii. Gaji Penyelia Kilang						

2. (a)

[illegible]

2. (b)

[illegible]

2. (c)

[illegible]

[illegible]

3. (a)

[illegible]

[illegible]

3. (b)

[illegible]

[illegible]

3. (c)

[illegible]

3. (d)

[illegible]

3. (e)

[illegible]

[illegible]

4. (a)(i)(i)

(a)(i)(ii)

(a)(ii)

Tahun	Dividen Syer Keutamaan	Dividen Syer Biasa
2018		
2019		
2020		
2021		

[illegible]

[illegible]

4. (a)(i)(i)

(a)(i)(ii)

(a)(ii)

LAMPIRAN A

[illegible]

LAMPIRAN B

Baki	Perabot	Akaun Belum Terima	Inventori	Bank	Akaun Belum Bayar	Modal	Untung Bersih
Baki							
(a)							
(b)							
(c)							
(d)							
(e)							

A diagram showing a 10x10 grid. The bottom row is highlighted with a solid border, representing a 1x10 rectangle. The rest of the grid is outlined with dashed lines.

[illegible]

A diagram showing a 10x10 grid. The bottom row is highlighted with a solid border, representing a 1x10 rectangle. The rest of the grid is outlined with dashed lines.

[illegible]